



MSM cadang buka kilang plastik

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 APRIL

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) bercadang untuk membuka kilang pembungkusan plastik sebagai satu daripada langkah menurunkan kos pengeluaran gula.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod (**gambar**) berkata, pada masa ini MSM sudah meneliti cadangan daripada beberapa pihak termasuk dari China dan perbincangan masih lagi berjalan.

Katanya, langkah itu juga selaras dengan matlamat MSM untuk mengeluarkan Gula Perlis yang memiliki kualiti setanding Gula Prai.

“Ini bukan sahaja melibatkan pengeluaran gula yang mempunyai kualiti sama tetapi juga dari segi pembungkusan plastik. Untuk itu, pihak kami masih lagi meneliti beberapa cadangan kerana bukan mudah membuat sebarang keputusan. Ini semua melibatkan kos,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

MSM yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities pada 28 Jun 2011 memiliki dua anak syarikat iaitu, MSM Prai Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing Company Bhd.) dan MSM Perlis Sdn. Bhd., (sebelum ini dikenali sebagai Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd.) yang masing-mas-

ing ditubuhkan pada 1959 dan 1971.

Menurut beliau, MSM berupaya menjimatkan perbelanjaan hasil sehingga RM27 juta, hasil daripada inisiatif pengurangan kos di seluruh operasi MSM dan rantai bekalan termasuk penstrukturkan semula lokasi pusat piengedaran serta program penjimatkan penggunaan tenaga elektrik.

Sheikh Awab berkata, lebih RM100 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf kilang penapisan gula di Chuping, Perlis dan Prai, Pulau Pinang bagi tempoh tiga tahun.

“Walaupun kedua-dua kilang penapisan ini sudah beroperasi selama 50 tahun, tetapi MSM berjaya mencatat nilai pengeluaran tertinggi tahun lalu iaitu 998,000 tan metrik. Kita berharap dapat mencapai sasaran pengeluaran tahun ini sebanyak 1.1 juta tan metrik,” katanya.

Beliau juga memberitahu, lembaga pengarah telah memberi kelulusan untuk membeli tanah seluas 20.64 hektar di Tanjung Langsat, Johor untuk pembinaan kilang penapisan gula ketiganya membabitkan peruntukan modal berjumlah lebih kurang RM900 juta.

Katanya, kilang tersebut dijanjakan beroperasi pada pertengahan 2017 dan mampu menampung kapasiti sehingga satu juta tan metrik pengeluaran gula dalam setahun, sekali gus melonjakkan pengeluaran gula kepada empat juta tan met-

rik menjelang 2020.

Mengenai operasi pejabat MSM di Dubai yang dijangka beroperasi pada Jun depan, beliau berkata, pejabat tersebut akan berperanan sebagai pembekal di peringkat antarabangsa yang akan menjalankan urus niaga bagi pembelian gula mentah dan bertapis.

“Selain Dubai, MSM juga akan membuka pejabat perwakilan di China, India dan Thailand untuk mendapatkan bekalan gula pada kos yang efektif,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, MSM dijangka melaksanakan dua penggabungan dan pengambilalihan (M&A) pada suku kedua tahun ini dengan tumpuan di negara-negara Asia terutama China, India dan Indonesia.



Selain Dubai, MSM juga akan membuka pejabat perwakilan di China, India dan Thailand untuk mendapatkan bekalan gula pada kos yang efektif.”

SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Holdings Berhad

